

Majlis Makan Malam Sempena Lawatan Rasmi T.Y.T. Bounnhang Vorachith Perdana Menteri Republik Demokratik Rakyat Laos Ke Malaysia

Seri Perdana, Putrajaya 29 Oktober 2001

Dengan sukacitanya saya dan isteri saya mengalu-alukan kedatangan Tuan Yang Terutama dan Puan Khammeung serta ahli-ahli rombongan Republik Demokratik Rakyat Laos ke Malaysia. Saya harap lawatan ini akan memberi manfaat di samping membawa kenangan manis kepada Tuan Yang Terutama dan ahli-ahli rombongan.

2. Saya sendiri mempunyai kenangan manis semasa melawat Laos yang indah pada 1994. Sejak lawatan tersebut dan juga lawatan oleh Perdana Menteri Laos ke Malaysia yang terdahulu pada tahun 1998, perhubungan dua hala antara kedua-dua negara terus berkembang dan membangun.

3. Semasa mesyuarat delegasi hari ini, kita telah berbincang secara terbuka dan bermakna mengenai arah tuju hubungan dua hala kita di masa depan serta bidang- bidang baru yang kita dapat terokai dan bangunkan bersama bagi memperkukuhkan lagi hubungan kita.

4. Hubungan perdagangan Malaysia - Laos telah menunjukkan kemajuan yang ketara, walaupun jumlah perdagangan kita pada tahun 2000 hanya mencapai USD 0.66 juta. Adalah menggalakkan bahawa Laos telah mula mengimport minyak kelapa sawit dari Malaysia pada tahun lepas. Terdapat banyak lagi produk yang boleh dibekalkan oleh Malaysia kepada Laos dan saya percaya begitu juga sebaliknya.

5. Melalui dasar 'prosper-thy-neighbour' negara ini, sektor swasta Malaysia digalakkan melabur di negara- negara jiran. Oleh itu, adalah memberangsangkan apabila didapati bahawa pelabur-pelabur Malaysia sedang aktif menyumbang ke arah pembangunan ekonomi Laos terutama dalam bidang pembinaan, perhutanan, perbankan, khidmat runding dan pendidikan. Pada hari ini terdapat sebanyak 18 syarikat Malaysia yang beroperasi di Laos dengan jumlah pelaburan bernilai USD 276.9 juta. Malaysia merupakan pelabur keempat terbesar di Laos. Pelaburan terbaru Malaysia di Laos melibatkan kajian "feasibility" pembinaan projek kuasa hidro bernilai USD 300 juta di Daerah Champassak di selatan negara ini.

6. Di Malaysia, sektor swasta merupakan jentera penggerak pertumbuhan negara. Saya percaya penglibatan sektor swasta akan mempercepatkan proses pembangunan ekonomi di Laos. Namun bagi membolehkan sektor swasta bergiat aktif dan berkesan, satu persekitaraan yang sesuai dan kondusif adalah amat

diperlukan. Esok Tuan Yang Terutama akan menghadiri perbincangan dan jamuan tengahari dengan tokoh-tokoh perniagaan Malaysia. Saya yakin dalam perjumpaan ini, masyarakat perniagaan Malaysia akan dapat pendedahan yang lebih baik mengenai potensi pelaburan dan ekonomi negara Laos.

7. Malaysia berpendapat bahawa sebagai sebuah negara membangun, keupayaan kita untuk berdaya saing bergantung kepada kemampuan kita untuk memahirkan diri dalam teknologi terkini. Dengan kemunculan ICT, cara kehidupan kita telah banyak berubah. Walaubagaimana pun, teknologi ini tidak dapat dinikmati oleh semua. Jurang digital di antara negara-negara yang berupaya dan yang kurang berupaya semakin melebar. Justeru, Malaysia dan rakan-rakan ASEAN yang lain telah bersetuju untuk mengurangkan jurang perbezaan digital dan pembangunan di kalangan rakan ASEAN. Malaysia akan membantu rakan-rakan ASEANnya terutama Kemboja, Myanmar, Laos dan Vietnam (CMLV) menuju ke arah tersebut.

8. Di samping itu, Malaysia berpendapat bahawa adalah perlu untuk mengatasi jurang pembangunan di antara negara-negara ASEAN yang lebih maju dan negara-negara CMLV. Dalam hal ini, pada pandangan Malaysia adalah perlu bagi ASEAN untuk membantu meningkatkan keupayaan dan pembangunan institusi-institusi sokongan negara-negara CMLV. Pendekatan ini akan membolehkan negara-negara CMLV mencipta semula sistem perekonomian mereka dan menarik pelaburan asing.

9. Malaysia gembira bahawa kepimpinan Laos terus melaksanakan pembaharuan dan mewujudkan institusi-institusi sokongan ke arah pembentukan ekonomi berorientasikan pasaran. Malaysia berpendapat bahawa keinginan Laos untuk menganggotai Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO) merupakan satu langkah yang tepat dan Malaysia menyokong sepenuhnya keanggotaan Laos dalam pertubuhan tersebut.

10. Keupayaan ASEAN untuk menumpukan usaha ke arah pembangunan negara dan bangsa pada hakikatnya bergantung kepada persekitaran yang stabil dan aman. Tarikan ASEAN sebagai destinasi pelaburan amatlah berkait rapat dengan keupayaan kerajaan negara-negara ASEAN mengekalkan keamanan dan kestabilan serantau dan memajukan dasar-dasar yang mesra pelaburan. Walaupun kita telah berjaya dalam usaha ini, tindakan keganasan di New York dan Washington baru-baru ini telah memberi ancaman baru yang mungkin melesukan pemulihan ekonomi sedunia

11. Malaysia menentang keganasan dan percaya bahawa ancaman kepada manusia sejagat ini memerlukan kerjasama masyarakat antarabangsa untuk menangani isu tersebut secara menyeluruh.

12. Selama tiga dekad, ASEAN telah berjaya mengekalkan keamanan serta kestabilan serantau. Oleh itu, adalah penting bagi kesejahteraan kita bersama untuk mengekalkan keharmonian ini yang akan membolehkan kita meneruskan matlamat pembangunan negara tanpa sebarang gangguan. Malaysia akan bekerjasama rapat dengan Laos di forum-forum serantau dan antarabangsa bagi memajukan kepentingan masing-masing.